

ADAKAH

UMS tunai impiant rakyat Sabah



Oleh JOHN TAMBANAN

KOTAKINABALU: Ketua Menteri Datuk Salleh Tun Said berkata, pembinaan universiti di Sabah memang telah sekian lama menjadi impian rakyat di negeri ini.

Beliau berkata, upacara pecah tanah yang dilakukan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kelmarin membuktikan bahawa kerajaan pusat memang bersungguh-sungguh mahu melihat negeri ini tampil menjadi sebuah negeri yang maju, sama seperti negeri-negeri lain di negara ini, terutama sekali dalam bidang kecemerlangan akademik.

Salleh berkata, walaupun Universiti Malaysia Sabah (UMS) adalah salah sebuah universiti yang ditubuhkan bagi menampung keperluan seluruh rakyat Malaysia, namun tidak dapat dinasikan bahawa kewujudannya di tengah-tengah masyarakat Sabah amat bererti dan menjadi kebanggaan rakyat Malaysia di sini.

Katanya, pembinaan UMS juga akan menjadi mercu tanda bagi negeri Sabah khasnya dan Malaysia umumnya, kerana sebagai gedung ilmu pengetahuan UMS akan mengembangkan ilmu pengetahuan, menggerakkan kemajuan dan pembangunan terutama pembangunan fizikal dan spiritual dan menjadikan mereka warganegara yang berilmu, berkualiti dan berketrampilan dalam mengurus negara bangsa.

Bagi rakyat Sabah, Salleh berkata pembinaan UMS

merupakan lambang pencapaian kemajuan dalam perkembangan sejarah pendidikan di negeri ini.

"Dengan terbinanya UMS di negeri ini, saya yakin ia dapat membantu memajukan rakyat dan negeri ini dari segi mewujudkan masyarakat yang berilmu dalam segala bidang," katanya ketika menyaksikan penyempurnaan Pecah Tanah UMS yang dilakukan oleh Dr Mahathir di Teluk Likas kelmarin.

Salleh berkata bahawa sudah menjadi hasrat kerajaan BN di negeri ini untuk menggerakkan ekonominya selari dengan falsafah ekonomi negara yakni bagi mewujudkan masyarakat yang lebih makmur, bersatu serta mempunyai kemampuan untuk berdaya saing dan berdaya maju serta ulit dalam menghadapi cabaran-cabaran ekonomi abad ke-21.

Sebagai sebuah institusi, Salleh berharap UMS akan dapat memberikan sumbangan kepada kerajaan dengan melibatkan tenaga para ahli akademiknya dalam apa juga rancangan sosio-budaya, adosio-ekonomi dan pembangunan di negeri ini.

Katanya, UMS sebagai penggerak utama pembangunan intelektual dan akal budi rakyat Sabah sudah tentu berupaya melahirkan siswazah yang cekap, berkualiti dan berminda perdana.

"Saya percaya UMS mampu memberikan imput kepada mana-mana agensi kerajaan dan sektor swasta yang memerlukan sumbangan ilmu dan kapakanan mereka untuk menyemarakkan pembangunan ekonomi negeri ini."